



Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Sabah Commercial Vehicles Licensing Board

E-HAILING

PERKARA	DASAR UMUM
Definisi Kelas	Kenderaan motor yang muatan tempat duduknya empat (4) orang dan tidak lebih daripada enam (6) orang (termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa orang dalam mana-mana perjalanan sebagai balasan bagi tambang perseorangan atau tambang berasingan bagi setiap satunya, yang perkiraan, penempahan atau transaksi, dan tambang bagi perjalanan itu dipermudah melalui suatu aplikasi elektronik mudah alih yang disediakan oleh suatu perniagaan pengantaraan.
Jenis Perkhidmatan	TB
Kategori Pemohon	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
Kawasan Operasi	Seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan
Jenis Kenderaan	i. Model kenderaan yang memenuhi taraf tiga (3) bintang ASEAN NCAP atau yang setara dengannya di bawah kategori: a. Motokar (Kompak & Sedan) b. Kenderaan Pelbagai Guna (MPV & SUV) c. Pick-up - Double Cabin ii. Mempunyai empat (4) roda iii. Lebih daripada dua (2) pintu
Usia Kenderaan: Had Umur	15 tahun
Tempoh Kelulusan Lesen	1 Tahun / Bilangan tahun sehingga mencapai had umur yang ditetapkan
Sistem Tambang	TB
Kadar Tambang	Ditetapkan oleh Syarikat Pengantara dari semasa ke semasa (<i>Dynamic Pricing</i>).
Tanda Badan	Memaparkan pelekat tanda pengenalan kenderaan e-hailing yang dikeluarkan oleh eHO yang mengikut ketetapan JPJ.



Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Sabah Commercial Vehicles Licensing Board

➤ Kriteria Pemohon Yang Layak

Syarikat Sdn Bhd / Berhad / Koperasi

- a) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- b) Mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya sebanyak RM100,000.
- c) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga pengarah warganegara Malaysia dan menetap di Sabah.
- d) Mempunyai pejabat daftar di Sabah